

## Kemasukan pelajar asing ditangguh hingga 31 Disember depan

**SHAH ALAM** - Semua kemasukan baharu pelajar asing, pelajar sedia ada dan termasuk yang sudah mendapat kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum ini akan ditangguhkan sehingga 31 Disember 2020.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Kha-irul Dzaimée Daud berkata, penangguhan itu selaras dengan keputusan Kementerian

Pengajian Tinggi (KPT) pada 2 Oktober lalu yang menangguhkan pendaftaran dan pengajian secara fizikal atau bersemuka pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kemasukan Oktober 2020.

“Jabatan ini juga difahamkan KPT telah berunding dengan syarikat penerbangan mengenai penjadualan semula penerbangan pelajar

antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, KPT memaklumkan keputusan penangguhan pendaftaran dan pengajian secara fizikal atau bersemuka pelajar adalah perlu demi kesejahteraan dan keselamatan semua pihak susulan peningkatan kes Covid-19 ketika ini.



**KHAIRUL DZAIMÉE**